

**Undi Calon BN Untuk Masa Depan Terengganu Yang Lebih Berjaya - Najib Bernama**  
**23 July, 2013**

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berharap para pemilih keluar awal esok bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Besut dan mengundi calon Barisan Nasional (BN) untuk masa depan Terengganu yang lebih berjaya.

"Insya-Allah, beliau (Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman) merupakan calon yang paling sesuai untuk kesejahteraan masa depan Kuala Besut. Undilah Ku Zaihan dan Barisan Nasional untuk masa depan Terengganu yang lebih berjaya," kata perdana menteri di laman Facebook Selasa.

Najib berkata Tengku Zaihan merupakan calon muda yang bersemangat dan mampu mencetuskan idea-idea baharu untuk memakmurkan lagi kehidupan di Kuala Besut.

Sebagai anak jati Kuala Besut, calon BN itu tentunya mahukan yang terbaik untuk kawasan berkenaan, katanya.

Beliau berharap proses pengundian bagi pilihan raya kecil itu berjalan lancar, lebih-lebih lagi ia berlangsung dalam bulan Ramadan.

"Selaras dengan kempen yang sedang rancak berjalan dan hari mengundi pada hari esok, saya berharap agar semua pengundi DUN Kuala Besut dapat keluar menjalankan tanggungjawab masing-masing seawal mungkin," katanya.

PRK Kuala Besut menyaksikan pertembungan satu lawan satu antara calon BN Tengku Zaihan, 37, dan calon PAS Endot@Azlan Yusof, 48.

Kerusi DUN itu kosong berikutan kematian penyandanginya Dr A.Rahman Mokhtar pada 26 Jun lalu akibat kanser paru-paru.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965495>